

NO SOALAN :34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2017

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) bilangan dan peratus pemilik saham PNB pada akhir tahun 2009 & akhir September 2017 mengikut jenis saham seperti ASB, ASB2, ASM, Wawasan dan lain-lain mengikut mengikut kaum ; dan
- (b) kumpulan pemilikan unit iaitu bawah 1000 unit, 1000-4999 unit, 5000-9999 unit, 10000-99999 unit, 100000-200000 unit, 200001-400000 unit, 400001 dan ke atas serta usaha untuk menambah saham yang dimiliki oleh golongan bawahan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

ASNB adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad

(PNB) yang ditubuhkan pada 22 Mei 1979 sebagai syarikat pengurusan unit amanah di bawah PNB. ASNB kini mengurus 12 dana yang bernilai RM207.398 bilion seperti berikut:

- i. Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020);
- ii. Amanah Saham Malaysia (ASM);
- iii. Amanah Saham Didik (ASD);
- iv. Amanah Saham 1Malaysia (AS1M);
- v. Amanah Saham Bumiputera (ASB);
- vi. Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2);
- vii. Amanah Saham Nasional (ASN);
- viii. Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2);
- ix. Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3);
- x. Amanah Saham Pendidikan (ASG - DIDIK);
- xi. Amanah Saham Kesihatan (ASG - SIHAT); dan
- xii. Amanah Saham Persaraan (ASG - SARA).

Bilangan dan peratus pemilik saham ASNB pada akhir tahun 2009 & akhir September 2017 mengikut jenis saham seperti ASB, ASB2, ASM, Wawasan dan lain-lain mengikut kaum adalah seperti di dalam Jadual 1 dan Jadual 2:

Jadual 1: Pemegang Unit Bagi Semua Tabung Unit Amanah ASNB
Mengikut Kaum Sehingga 31 Disember 2009

Unit Amanah	Bumiputera		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%
ASW	344,991	39	423,673	48	110,465	12.5	4,488	0.5	883,617	100
ASM	63,863	12	414,642	75	71,066	13	3,487	1	553,058	100
ASD	265,917	100	-	-	-	-	-	-	265,917	100
AS1M	76,558	32	138,048	58	21,554	9	1,244	1	237,404	100
ASB	6,793,632	100	-	-	-	-	-	-	6,793,632	100
ASB2	317,823	100	-	-	-	-	-	-	317,823	100
ASN	1,236,871	100	-	-	-	-	-	-	1,236,871	100
ASN2	25,436	100	-	-	-	-	-	-	25,436	100
ASN3	3,590	9	30,620	75	5,881	14	652	2	40,743	100
ASG DIDIK	25,675	38	34,668	51	6,093	9	1,099	2	67,535	100
ASG SIHAT	11,746	17	47,891	71	7,054	10	1,005	1	67,696	100
ASG SARA	4,502	19	16,172	68	2,863	12	343	1	23,880	100

Jadual 2: Pemegang Unit Bagi Semua Tabung Unit Amanah ASNB
Mengikut Kaum Sehingga 30 September 2017

Unit Amanah	Bumiputera		Cina		India		Lain-lain		Jumlah	
	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%	Pemegang Unit	%
ASW	344,965	39	420,910	48	103,582	12	5,592	1	875,049	100
ASM	55,337	10	414,424	77	66,285	12	4,481	1	540,527	100
ASD	297,555	100	-	-	-	-	-	-	297,555	100
AS1M	179,173	45	157,693	40	53,080	13	4,411	1	394,357	100
ASB	9,267,238	100	-	-	-	-	-	-	9,267,238	100
ASB2	317,823	100	-	-	-	-	-	-	317,823	100
ASN	1,236,871	100	-	-	-	-	-	-	1,236,871	100
ASN2	25,436	100	-	-	-	-	-	-	25,436	100
ASN3	3,590	9	30,620	75	5,881	14	652	2	40,743	100
ASG DIDIK	25,675	38	34,668	51	6,093	9	1,099	2	67,535	100
ASG SIHAT	11,746	17	47,891	71	7,054	10	1,005	1	67,696	100
ASG SARA	4,502	19	16,172	68	2,863	12	343	1	23,880	100

Bagi kumpulan pemilikan unit iaitu bawah 1000 unit, 1000-4999 unit, 5000-9999 unit, 10000-99999 unit, 100000-200000 unit, 200001-400000 unit, 400001 dan ke atas, butiran unit pelaburan adalah seperti berikut:

Kumpulan Pemilikan	Bilangan Pemegang Unit		Unit Pelaburan	
	(Juta)	%	(Juta)	%
1000 dan ke bawah	8.08	61.4	1,685.27	0.8
1,001-5,000	1.80	13.7	4,141.83	1.9
5,001-50,000	2.17	16.5	39,473.17	18.2
50,001-100,000	0.52	3.9	33,569.65	15.5
100,001-500,000	0.55	4.2	103,098.63	47.6
500,001 dan ke atas	0.04	0.3	34,840.57	16.0
Jumlah	13.15	100	216,809.13	100

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh ASNB untuk menambah saham yang dimiliki oleh pemegang unit yang memiliki unit amanah yang masih rendah adalah seperti berikut:

- i. Program Literasi Kewangan yang berterusan yang

dilaksanakan oleh ASNB bagi menyampaikan mesej kesedaran perihal pentingnya literasi kewangan dan pelaburan dalam kehidupan. Antara program capaian yang dijalankan termasuklah Seminar Pelaburan 360 Hari kepada pelbagai golongan sasaran seperti pelajar, guru, kakitangan kerajaan, pekerja swasta, serta masyarakat umum;

- ii. Program Sosial Tajaan Kerajaan yang disasarkan kepada golongan termiskin pelbagai kaum yang dikendalikan oleh ASNB seperti Program Pembasmian Rakyat Termiskin, ASB Sejahtera, ASW 2020-Bandar, dan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia) juga dapat meningkatkan pemilikan unit amanah bagi golongan tersebut;
- iii. Kemudahan Skim Potongan Gaji juga boleh membantu golongan ini untuk menambah pelaburan secara sistematik dan berterusan; dan
- iv. Kaedah pelaburan melalui pinjaman dari bank-bank yang dibenarkan juga turut membantu golongan yang tidak

mempunyai kemampuan melabur dengan jumlah yang besar. Kaedah ini memerlukan disiplin melabur mengikut keupayaan individu secara terurus untuk mencapai objektif pelaburan jangka panjang.